



KOLEJ YAYASAN SAAD

P.O. Box 495, Ayer Keroh
75670 Melaka

06/KYS/05-2 Vol.4 /009

6 Julai 2023

Kepada

Ibu bapa/ penjaga
Pelajar-pelajar
Kolej Yayasan Saad Melaka

Tuan/Puan,

PEMAKAIAN REKAAN CORAK BAHARU TALI LEHER RASMI KOLEJ OLEH PELAJAR KOLEJ YAYASAN SAAD MELAKA (KYSM)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak kolej ingin memaklumkan bahawa Lembaga Pengelola Kolej Yayasan Saad, Melaka telah memperkenalkan rekaan corak baharu tali leher rasmi kolej untuk dipakai oleh pelajar KYSM semasa kelas akademik. Pemakaian tali leher ini akan berkuatkuasa pada Penggal 3 sesi persekolahan tahun 2023/24 iaitu pada 4 September 2023 (Isnin).

3. Sehubungan itu, semua pelajar KYSM dikehendaki memakai tali leher dengan corak baharu ini pada setiap hari Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat. Oleh itu, tali leher kolej yang sedang digunakan pelajar ketika ini akan dipakai pada hari Isnin dan majlis rasmi kolej sahaja.

4. Tali leher dengan rekaan corak baharu ini boleh dibeli oleh pelajar di KYSM *Business Shop* pada setiap hari Isnin dan Rabu, pukul 3.00 hingga 4.00 petang bermula pada 10 Julai 2023 (Isnin) dengan harga **RM25.00** (Ringgit Malaysia: **Dua Puluh Lima Sahaja**). Bersama-sama surat ini dilampirkan gambar foto rekaan baharu tali leher KYSM.

5. Kerjasama ibu bapa/ penjaga amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

TAN CHEH LI

Pengetua

TCL/SAM/nm/KYSNewTie2023

REKAAN CORAK BAHARU TALI LEHER RASMI KOLEJ YAYASAN SAAD MELAKA

